

Media Monitoring

Publication: **Berita Minggu – Online**

Circulation/Audience: -

Date: **2 December 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Hutang RM50, dapat RM30,000**

(Page: 1 of 2)

Hutang RM50, dapat RM30,000

Oleh Suhana Roslan

Mekanik pinjam wang abang untuk sertai pertandingan memancing Piala Monsun

KUALA TERENGGANU: Usaha seorang mekanik berhutang dengan abangnya sebanyak RM50 untuk menyertai Pertandingan Memancing Piala Monsun di Pulau Duyong, di sini, ternyata berbaloi apabila dinobatkan sebagai juara sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM30,000.

Md Hafiz Mat Yusof, 22, anak jati Kampung Pulau Duyong itu akan menggunakan hadiah dimenangi untuk menjelaskan hutang abangnya dan bercadang membuka bengkel motosikal di bandar ini, tahun depan.

Beliau berjaya menaikkan ikan belukang seberat 1.67 kilogram pada jam 12.45 tengah hari selepas empat kali bertukar lokasi dan mula mencari tapak sesuai seawal jam 6 pagi.

Anak pesara polis itu yang bercita-cita menjadi mekanik sudah lama berhasrat membuka bengkel, tetapi terpaksa ditangguhkan kerana belum mempunyai modal.

"Sekurang-kurangnya hadiah wang tunai RM30,000 ini boleh dijadikan modal mencari lokasi sesuai untuk membuka bengkel dan pengalaman bekerja selama setahun boleh dijadikan asas menjadi seorang mekanik berjaya.

"Pembelajaran secara teori di Kolej Yayasan Melaka (KYM) dan pengalaman bekerja akan dijadikan modal untuk membuka bengkel," katanya ketika ditemui, semalam.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi negeri yang juga Pengerusi T-Best Sdn Bhd, Datuk Wan Hisham Wan Salleh; Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Datuk Hishamuddin Aun; Pengarang Kumpulan BHSB, Datuk Manja Ismail serta Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Tunggal, Datuk Mohd Nasir Ibrahim Fikri.

Sementara itu, pemenang kedua, Baharon Aziz, 27, dari Kampung Seberang Bukit Tumbuh, Kuala Terengganu yang membawa pulang hadiah wang tunai RM15,000 akan menyimpan wang itu untuk masa depan.

"Saya bekerja di pelantar minyak mendaftar diri kira-kira jam 8 pagi tadi (semalam) dan tidak menyangka penyertaan ini membuahkan hasil lumayan.

"Saya menggunakan umpan udang seperti pemancing lain dan memancing adalah hobi selain mendapat sokongan rakan untuk menyertai pertandingan ini," katanya.



WEBER SHANDWICK
WORLDWIDE

Media Monitoring

Publication: **Berita Minggu – Online**

Circulation/Audience: -

Date: **2 December 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Hutang RM50, dapat RM30,000**

(Page: 2 of 2)

Pertandingan memancing kategori pantai yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM60,000 itu dianjurkan Kerajaan Terengganu dan T-Best Event Sdn Bhd (T-Best) dengan kerjasama Unit Joran Berita Harian.

Turut menaja pertandingan itu ialah Tourism Malaysia Terengganu, TCE Tackles, Noraini's Cookies, Zone Event Management dan Pasar Raya Besar Mydin.